
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JEMPOL
MOHD AZHAR BIN JUNOS *lwn* NURUL SHAHFIKA BINTI MOKHTAR
(NO. KES: 2312-L0705-152-0498)

Azmi Aziz

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Mohd Azhar bin Junos *lwn* Nurul Shahfika binti Mokhtar (NO. KES: 2312-L0705-152-0498) (2025) MRS 77 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/17>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JEMPOL

MOHD AZHAR BIN JUNOS
lwn
NURUL SHAHFIKA BINTI MOKHTAR

NO. KES: 2312-L0705-152-0498

ⁱAzmi Aziz

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol

Sinopsis

Plaintif di dalam kes ini telah memfailkan kes pengesahan perceraian di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Plaintif di dalam permohonannya memohon kepada Mahkamah untuk mengesahkan lafaz cerai yang telah dilafaz olehnya sendiri. Seterusnya Defendan telah disaman untuk hadir ke Mahkamah bagi menjawab dakwaan Plaintif. Defendan telah hadir dan bersetuju dengan dakwaan Plaintif. Seterusnya Mahkamah telah menyiasat dakwaan Plaintif dan mengambil keterangan Defendan. Untuk memutuskan kes ini tiga persoalan utama perlu diputuskan oleh Mahkamah iaitu sama ada Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini, sama ada lafaz Plaintif adalah lafaz *talaq* yang sah dan sama ada lafaz *talaq* tiga (3) dengan sekali lafaz menjatuhkan tiga *talaq* atau satu *talaq*. Di dalam memutuskan kes ini, Mahkamah meneliti setiap rukun dan syarat kepada rukun telah dipenuhi mengikut hukum Syarak. Kesahan sesuatu lafaz *talaq* bergantung kepada kesempurnaan rukun dan syarat-syarat tersebut.

Pengenalan

- [1] Kes ini difailkan oleh Plaintif pada 22.12.2023 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol. Pemohon telah memfailkan kes permohonan pengesahan perceraian di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintif tinggal di Gemas, Negeri Sembilan. Defendan beralamat penyampaian di Gemas, Negeri Sembilan.
- [3] Plaintif dan Defendan telah bernikah pada 30.11.2019 dan didaftarkan di atas Sijil Nikah Negeri Sembilan No. Siri: xxx.
- [4] Saman kepada Defendan tidak sempurna secara sendiri walau bagaimana pun Defendan telah hadir dan memberi keterangannya pada 8.1.2024 di Mahkamah ini.
- [5] Plaintif memberitahu Mahkamah bahawa Plaintif dan Defendan berada di Melaka dan berlaku pergaduhan antara mereka berdua. Pergaduhan tersebut dilaporkan berpunca daripada barang pesanan (*parcel*) milik Defendan yang dihantar ke pejabat Plaintif. Barang tersebut pernah hilang sebelum ini. Defendan mendakwa Plaintif memandang sambil lewa isu kehilangan barang tersebut disebabkan bayaran dibuat oleh Defendan.

- [6] Pergaduhan tersebut berlanjutan sehingga mereka berdua pulang ke rumah dan telah tidur berasingan pada malam tersebut. Keesokan paginya, pergaduhan berlanjutan sehingga Plaintiff melafazkan lafaz cerai ke atas Defendan.
- [7] Plaintiff telah memberitahu Mahkamah lafaz cerai tersebut telah dilafaz pada 3.12.2023 jam 8.23 pagi bertempat di Gemas, Negeri Sembilan. Plaintiff mendakwa telah melafazkan cerai secara lisan ke atas Defendan iaitu “Nurul Shahfika binti Mokhtar aku ceraikan kau dengan *talaq* tiga (3)”.
- [8] Ketika menjawab soalan Mahkamah, Plaintiff memberitahu bahawa beliau melafazkan lafaz tersebut dalam keadaan sedar, tidak gila, tidak ada sesiapa yang memaksa melafazkan lafaz tersebut, Defendan tidak ada meminta cerai ketika itu dan lafaz itu ditujukan kepada Defendan.
- [9] Plaintiff juga memberitahu bahawa beliau terlafaz lafaz cerai tersebut dan tidak tahu mengapa beliau melafazkan *talaq* tiga (3) kepada Defendan.
- [10] Defendan menyatakan dalam keterangannya sewaktu lafaz dibuat, beliau berada dalam keadaan suci dan tak hamil. Kedua-dua pihak mengaku tidak pernah bercerai sebelum lafaz dibuat.

Diputuskan

- [10] Mahkamah setelah mendengar keterangan dan *iqrar* oleh Plaintiff dan Defendan, Mahkamah dengan ini memerintahkan seperti berikut:
 1. Mahkamah putuskan lafaz Plaintiff secara lisan iaitu “Nurul Shahfika binti Mokhtar, aku ceraikan kau dengan *talaq* tiga (3)” pada 3.12.2023 jam 8.23 pagi dialamat Gemas, Negeri Sembilan adalah lafaz *talaq* yang sah.
 2. Mahkamah putuskan mulai tarikh dan masa tersebut, gugur *talaq* tiga (3) kali pertama berjumlah tiga *talaq* ke atas Defendan secara *talaq bain kubra*.
 3. Defendan tidak ber'*iddah* kerana tiada persetubuhan.
 4. Sijil Nikah Negeri Sembilan No. xxx yang asal hendaklah dibatalkan
 5. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Jempol, Negeri Sembilan dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan.

Rujukan

Undang-Undang

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Kitab

Abi Bakr Uthman Muhammad Syata al-Dimyati al-Bakri. (t.th.). *Hasyiah ia'nah al-thalibin*. Juzuk 4. al-Qahirah, Maktabah al-Taufiqiyyah

Wahbah al-Zuhayli. (2002). *Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Shamsuddin Muhammad Ahmad al-Khatib al-Syarbini. (1994) *al-Mughni al-muhtaj ila ma 'rifah ma 'ani al-faz al-minhaj*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Penghakiman Azmi Bin Aziz, HMRS

Isu-isu yang Perlu Diputuskan

[11] Fakta yang menjadi persoalan di dalam kes ini adalah seperti berikut:

1. Isu Pertama: Sama ada Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini.
2. Isu Kedua: Sama ada lafaz Plaintiff adalah lafaz *talaq* yang sah.
3. Isu Ketiga: Sama ada lafaz *talaq* tiga (3) dengan sekali lafaz menjatuhkan tiga *talaq* atau satu *talaq*.

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini

[12] Mahkamah berpendapat bahawa kes permohonan pengesahan perceraian yang difailkan oleh Plaintiff termasuk di dalam kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Rendah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 62(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Berasaskan peruntukan ini, Mahkamah berpuas hati mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini.

[13] Merujuk kepada dokumen Plaintiff iaitu Kad Pengenalan serta Sijil Nikah Negeri Sembilan No. xxx pihak-pihak, Mahkamah berpuas hati bahawa Plaintiff adalah seorang yang bermastautin di dalam Negeri Sembilan dan perkahwinan kedua-dua pihak telah dilangsungkan dan didaftarkan di dalam Negeri Sembilan. Berdasarkan perkara tersebut, ia telah memenuhi peruntukan Seksyen 4 dan 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Isu Kedua: Sama ada lafaz Plaintiff adalah lafaz *talaq* yang sah

[14] Bagi menentukan lafaz Plaintiff adalah lafaz *talaq* yang sah atau tidak, maka lafaz tersebut perlu memenuhi rukun dan syarat *talaq*. Terdapat lima rukun iaitu, suami, *sighah*, *qasad*, *mahal al-talaq* dan dalam kekuasaan suami sebagaimana yang dinyatakan oleh Abi Bakr Uthman Muhammad Syata al-Dimyati al-Bakri (t.th.) di dalam kitab *Hasyiah Ia'nah al-Thalibin*:

Terjemahan: Dan adapun rukun *talaq* itu ada lima, iaitu suami, lafaz yang digunakan, diqasatkan *talaq*, kepada siapa *talaq* itu ditujukan ataupun isteri dan *talaq* dijatuhkan dengan kekuasaan suami.

(Abi Bakr Uthman, t.th., ms. 3)

[15] Dalam kes ini, Plaintiff telah memenuhi rukun pertama iaitu suami yang sah kepada Defendan. Plaintiff juga ketika lafaz dibuat adalah seorang Islam yang *mukallaf* (aqil baligh). Ia bersandarkan kepada pengakuan Plaintiff, keterangan Defendan dan Sijil Nikah Negeri Sembilan No. xxx.

[16] Lafaz (*sighah*) yang digunakan oleh Plaintiff untuk menceraikan Defendan ialah “Nurul Shahfika binti Mokhtar, aku ceraikan kau dengan *talaq* tiga (3)”. Mahkamah berpuas hati bahawa wujud *sighah talaq* seperti yang diberitahu oleh Plaintiff.

[17] Diqasatkan *talaq* – berkehendak berlafaz dengannya iaitu dengan *talaq*. Imam al-Khatib al-Syarbini (1994) menyatakan di dalam *Kitab Mughni al-Muhtaj*:

Terjemahan: Jatuh *talaq* dengan lafaz yang sarih tanpa niat. Dan lafaz kinayah dengan niat. Maka lafaz sarih itu ialah *talaq*, cerai, dan pisah.

(al-Khatib al-Syarbini, 1994, ms. 479)

Maka jika suami melafazkan *talaq* dengan lafaz terus terang (*soreh*) dikira jelas dan jatuh *talaq* walaupun tanpa niat.

Merujuk kepada pengakuan Plaintiff, Mahkamah berpuas hati bahawa *sighah* yang digunakan oleh Plaintiff adalah lafaz *talaq* yang *soreh* kerana menggunakan lafaz cerai. Oleh kerana itu ia tidak perlu kepada niat Plaintiff untuk menceraikan Defendan.

[18] Kepada siapa *talaq* itu ditujukan (*mahal al-talaq*) atau pun isteri. Di dalam kes ini *mahal al-talaq* ialah Defendan iaitu Nurul Shahfika binti Mokhtar. Ia diakui sendiri oleh Plaintiff dan tidak dinafikan oleh Defendan. Berdasarkan pengakuan Plaintiff tersebut, Mahkamah berpuas hati bahawa Defendan adalah isteri yang sah kepada Plaintiff ketika lafaz dibuat.

[19] Rukun Kelima iaitu lafaz diucapkan dalam kekuasaan suami. Iaitu suami melafazkan lafaz cerai dalam kerelaan dan kehendak sendiri.

Merujuk kepada pengakuan Plaintiff, Mahkamah berpuas hati bahawa Plaintiff telah melafazkan lafaz cerai tersebut atas kerelaan dan kehendak sendiri serta tanpa paksaan dari sesiapa pun. Bahkan ketika kejadian Defendan tidak ada meminta cerai dari Plaintiff.

[20] Berdasarkan perenggan 15, 17 dan 19, Mahkamah berpendapat dan berpuashati bahawa lafaz Plaintiff telah memenuhi syarat-syarat kepada rukun *talaq* iaitu suami, isteri, *sighah*, berkehendak dengan lafaz yang dibuat dan dalam kekuasaan suami.

Isu Ketiga: Sama ada lafaz *talaq* tiga (3) dengan sekali lafaz menjatuhkan 3 *talaq* atau satu *talaq*

[21] Berkaitan isu ini mahkamah merujuk kepada pendapat Jumhur yang disebut oleh Wahbah al-Zuhayli (2002) di dalam *Kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* iaitu:

Terjemahan: Telah disepakati bahawa bilangan tiga *talaq* itu akan sempurna (terlaksana) sama ada seseorang lelaki (suami) itu mentalaq seseorang perempuan (isteri) satu persatu atau menghimpunkannya ketiga-tiga dalam satu kalimah (ucapan) seperti berkata: “Awak tertalaq tiga”. Ini menurut jumhur Ulama’ kecuali az-Zahiriyyah.

(Wahbah al-Zuhaili, 2002, ms. 479)

[22] Merujuk kepada lafaz *talaq* Plaintiff iaitu “Nurul Shahfika binti Mokhtar, aku ceraikan kau dengan *talaq* tiga (3)”, ia adalah lafaz *talaq* tiga (3) dalam satu lafaz. Ianya sama seperti yang dimaksudkan dalam petikan di dalam perenggan 19 di atas. Mahkamah berpendapat lafaz Plaintiff tersebut menggugurkan tiga (3) *talaq* sekali gus dan menghabisi bilangan *talaq*.

[23] Di dalam kes ini, perkataan “tiga” yang disebut oleh Plaintiff adalah kata nama bilangan. Kata nama yang menunjukkan bilangan tidak boleh ditafsir kepada maksud yang lain selain darinya. Contohnya: nombor satu (1) tidak boleh bermaksud dua (2) atau lima (5) atau lain-lain. Ia tetap menunjukkan bilangan satu (1). Kecuali terdapat *qarinah-qarinah* yang kuat atau banyak yang membawa kepada maksud selain darinya. Nombor tiga (3) tidak boleh ditafsir sebagai satu (1), dua (2), empat (4) atau lain-lain nombor melainkan ia tetap membawa maksud tiga (3). Walau bagaimana pun tiada *qarinah* yang dikemukakan dalam perkara ini. Oleh kerana itu, Mahkamah berpuashati bahawa lafaz *talaq* tiga (3) yang dilafaz oleh Plaintiff membawa maksud tiga (3) *talaq*.

[24] Selain daripada itu, sepanjang perbicaraan kes ini, Plaintiff dan Defendan telah memberi keterangan secara lisan di hadapan Mahkamah ini, Keterangan lisan oleh pihak-pihak adalah merupakan *iqrar* berdasarkan peruntukan seksyen 17(1) dan 17(2)(a) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

[25] Manakala *iqrar* pula yang dinyatakan oleh Abi Bakr Uthman Muhammad Syata al-Dimyati al-Bakri (t.th.) di dalam *Kitab Hasyiah I’ناه At-Talibin* ditakrifkan seperti berikut:

Terjemahan: *Iqrar* dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala menurut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas dirinya. *Iqrar* disebut juga sebagai *I'tiraf*.

(Abi Bakr Uthman, t.th., ms. 382)

Di dalam kitab yang sama juga di muka surat 51, dinyatakan seperti berikut:

انما يثبت الطلاق كالاقرار به بشهادة رجلين حرين عدلين

Terjemahan: Adapun talaq itu disabitkan dengan iqrar suami, jika suami tidak mengaku hendaklah didatangkan dengan dua (2) orang saksi lelaki yang adil dan merdeka.

(Abi Bakr Uthman, t.th., ms. 51)

- [26] Berdasarkan penjelasan diperenggan 23 dan 24 di atas, Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan pihak-pihak adalah *iqrar* dan boleh diterima oleh Mahkamah. Seterusnya Mahkamah juga berpendapat, lafaz cerai Plaintiff telah memenuhi semua rukun dan syarat *talaq* dan lafaz tersebut memberi kesan menyebabkan gugur *talaq* ke atas Defendan.

Keputusan

- [27] Mahkamah setelah mendengar keterangan dan *iqrar* oleh Plaintiff dan Defendan, Mahkamah dengan ini memerintahkan seperti berikut:
1. Mahkamah putuskan lafaz Plaintiff secara lisan iaitu “Nurul Shahfika binti Mokhtar, aku ceraikan kau dengan *talaq* tiga (3)” pada 3.12.2023 jam 8.23 pagi dialamat Gemas, Negeri Sembilan adalah lafaz *talaq* yang sah.
 2. Mahkamah putuskan mulai tarikh dan masa tersebut, gugur *talaq* tiga (3) kali pertama berjumlah tiga (3) *talaq* ke atas Defendan secara *talaq bain kubra*.
 3. Defendan tidak ber'*iddah* kerana tiada persetubuhan.
 4. Sijil Nikah Negeri Sembilan No. xxx yang asal hendaklah dibatalkan
 5. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Jempol, Negeri Sembilan dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh Azmi bin Aziz, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh

8 Januari 2024.

Peguam Syarie

Pihak-pihak tidak diwakili oleh Peguam Syarie.